



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERSATUAN PERDAGANGAN

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 6/2005**

TARIKH KELUARAN: 1 JULAI 2009



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERSATUAN PERDAGANGAN

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 6/2005
Tarikh Keluaran: 1 Julai 2009**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

PERSATUAN PERDAGANGAN
TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 6/2005

1. Tambahan ini memberi penjelasan berkenaan:
 - (a) perubahan definisi persatuan perdagangan; dan
 - (b) layanan cukai bagi kerugian larasan dan elaun modal tidak diserap daripada yuran keahlian.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan Tambahan ini adalah subseksyen 53(3) dan 53(4).
3. Sebelum tahun taksiran 2009, persatuan perdagangan didefinisikan di bawah subseksyen 53(3) ACP sebagai mana-mana persatuan bagi orang, perkongsian atau orang dan perkongsian yang ditubuhkan dengan matlamat utama untuk melindungi atau menggalakkan perniagaan ahli-ahlinya. Ketetapan Umum No. 6/2005 menyatakan persatuan tidak akan tergolong dalam maksud persatuan perdagangan jika keahlian persatuan dibuka bukan hanya kepada mereka yang menjalankan perniagaan tetapi juga kepada mereka yang menjalankan penggajian.
4. Mulai tahun taksiran 2009, subseksyen 53(3) ACP dipinda untuk meliputi persatuan yang ditubuhkan dengan matlamat utama untuk memajukan dan mengembangkan profesion ahli-ahlinya. Oleh itu, organisasi yang keahliannya juga terbuka kepada mereka yang menjalankan penggajian akan termasuk dalam maksud persatuan perdagangan. Pindaan ini semata-mata untuk menambah ketelusan dan kejelasan takrifan persatuan perdagangan memandangkan persatuan profesional secara amnya telah dicukai sebagai persatuan perdagangan.
5. Dengan pindaan kepada definisi persatuan perdagangan di bawah subseksyen 53(3) dan 53(4) ACP, perenggan 3.1 dan keseluruhan perenggan 4 dalam Ketetapan Umum No. 6/2005 digantikan dengan perenggan berikut:
 - 3.1 "Persatuan perdagangan" didefinisikan di bawah subseksyen 53(3) dan 53(4) ACP sebagai mana-mana persatuan bagi orang, perkongsian atau orang dan perkongsian yang ditubuhkan dengan matlamat utama untuk melindungi atau menggalakkan perniagaan ahli-ahlinya atau memajukan dan mengembangkan profesion ahli-ahlinya dan walau apa jua peruntukan lain dalam ACP, persatuan perdagangan hendaklah disifatkan sebagai satu badan orang dan bukan suatu perkongsian.

4. Persatuan perdagangan

- 4.1 Berdasarkan pindaan kepada definisi persatuan perdagangan di bawah subseksyen 53(3) ACP, persatuan akan dianggap sebagai persatuan perdagangan sekiranya ia memenuhi syarat-syarat berikut:
- (a) ia ditubuhkan dengan matlamat utama untuk memelihara atau menggalakkan perniagaan ahli-ahlinya; atau
 - (b) ia ditubuhkan dengan matlamat utama untuk memajukan dan mengembangkan profesion ahli-ahlinya.
- 4.2 Apabila sesebuah persatuan memenuhi mana-mana syarat yang dijelaskan di perenggan 4.1 dan keahlian persatuan itu terbuka bukan hanya kepada mereka yang menjalankan perniagaan tetapi juga kepada mereka yang menjalankan penggajian, persatuan itu masih dianggap sebagai suatu persatuan perdagangan.
- 4.3 Contoh persatuan perdagangan yang ditubuhkan dengan matlamat utama untuk melindungi atau menggalakkan perniagaan ahli-ahlinya adalah Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), *the Air Freight Forwarders Association of Malaysia* (AFAM), Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), *the Malaysian Insurance Institute* (MII), Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) dan Persatuan Pemajakan dan Pembiayaan Aset Malaysia (AFLAM).
- 4.4 Contoh persatuan perdagangan yang ditubuhkan dengan matlamat utama untuk memaju dan mengembangkan profesion ahli-ahlinya adalah *Chartered Tax Institute of Malaysia* (CTIM), Institut Akauntan Malaysia (MIA), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA), Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA), Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan Persatuan Jurutera Perunding Malaysia (ACEM).
- 4.5 Jika persatuan perdagangan bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran, pendapatan kasar daripada perniagaan persatuan perdagangan tersebut akan mengambil kira mana-mana penerimaan hasil yang boleh diterima oleh persatuan perdagangan tersebut bagi tahun asas itu termasuk fi kemasukan (*entrance fees*) dan yuran keahlian (*members' subscriptions*).



6. Contoh 5 di perenggan 10.3 dalam Ketetapan Umum No. 6/2005 menerangkan pengiraan cukai berhubung pengecualian pendapatan statutori persatuan perdagangan daripada yuran keahlian seperti diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 19) 2005. Untuk tujuan memberi penerangan lanjut mengenai layanan cukai bagi kerugian larasan dan elaun modal yang tidak dapat diserap sekiranya tidak terdapat pendapatan statutori daripada yuran keahlian, contoh 5A dimasukkan selepas contoh 5 di perenggan 10.3 dalam Ketetapan Umum No. 6/2005.

Contoh 5A:

Akaun untung dan rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 bagi suatu persatuan perdagangan adalah seperti berikut:

Pendapatan	RM
Yuran keahlian	198,000
Fi seminar	<u>66,000</u>
Jumlah pendapatan kasar (punca perniagaan)	264,000
Faedah simpanan tetap	<u>300,000</u>
Jumlah pendapatan	564,000 =====
Perbelanjaan	
Fi pengarah	100,000
Saraan pekerja	175,000
Sewa dewan seminar	88,000
Pengangkutan	38,500
Alatulis	<u>16,500</u>
Jumlah perbelanjaan	<u>418,000</u>
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan	146,000 =====
Perbelanjaan umum	
Fi pengarah	100,000
Saraan pekerja	175,000
Pengangkutan	38,500
Alatulis	<u>16,500</u>
Amaun perbelanjaan umum	330,000 =====
Elaun modal umum	RM200,000



Pengiraan cukai kena dibayar untuk tahun taksiran 2009 bagi persatuan perdagangan adalah seperti berikut:

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<i>I. Yuran keahlian</i>	198,000	
<i>Tolak: Perbelanjaan umum</i>		
<i>330,000 x <u>198,000</u></i>	<u>247,500</u>	
<i>264,000</i>		
<i>Kerugian larasan</i>	49,500	<i>(diabaikan)</i>
<i>Elaun modal umum</i>		
<i>200,000 x <u>198,000</u></i>	<u>150,000</u>	<i>(diabaikan)</i>
<i>264,000</i>		
<i>Pendapatan statutori yuran keahlian</i>		<i>Tiada</i>
<i>II. Fi seminar</i>	66,000	
<i>Tolak: Sewa dewan seminar</i>	88,000	
<i>Perbelanjaan umum</i>		
<i>330,000 x <u>66,000</u></i>	<u>82,500</u>	<u>170,500</u>
<i>264,000</i>		
<i>Kerugian larasan</i>	104,500	
<i>Elaun modal di hantar hadapan</i>		
<i>200,000 x <u>66,000</u></i>	<u>50,000</u>	
<i>264,000</i>		
<i>Pendapatan statutori yuran seminar</i>		<i>Tiada</i>
<i>III. Faedah simpanan tetap</i>		<u>300,000</u>
<i>Pendapatan agregat</i>		300,000
<i>Tolak: Kerugian perniagaan tahun semasa</i>		<u>104,500</u>
<i>Pendapatan bercukai</i>		<u>195,500</u>
<i>Cukai ke atas yang pertama RM100,000</i>		14,325.00
<i>Cukai ke atas baki RM95,500 @ 27%</i>		<u>25,785.00</u>
<i>Jumlah cukai kena dibayar</i>		<u>40,110.00</u>



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PERSATUAN PERDAGANGAN

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 6/2005
Tarikh keluaran: 1 Julai 2009**

-
- (a) *Kerugian larasan daripada yuran keahlian berjumlah RM49,500 tidak dibenarkan tolak daripada pendapatan agregat dan tidak boleh di hantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.*
- (b) *Elaun modal berjumlah RM150,000 yang tidak dapat diserap oleh punca pendapatan daripada yuran keahlian tidak boleh di hantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.*
- (c) *Amaun perbelanjaan umum dan elaun modal umum yang telah ditentukan bagi tujuan pengiraan pendapatan statutori daripada yuran keahlian tidak boleh diambilkira dalam pengiraan pendapatan statutori daripada fi seminar dan faedah simpanan tetap.*
7. Tambahan ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 6/2005 dan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**